

Headline	Iftar Rai 400 Kanak-kanak		
MediaTitle	Harian Metro		
Date	08 Aug 2012	Color	Black/white
Section	Setempat	Circulation	324,097
Page No	26	Readership	1,981,000
Language	Malay	ArticleSize	118 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 2,423
Frequency	Daily	PR Value	RM 7,269



Iftar rai 400 kanak-kanak

KUALA LUMPUR: Bulan Sabit Merah Malaysia (BSMM), Radio Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIMfm) dan pelajar Sarjana Komunikasi Pemasaran Bersepadu, Pusat Pengajian Komunikasi, Universiti Sains Malaysia (USM-IMC1) akan menganjurkan program Iftar Prihatin, Sabtu ini bagi meraikan kanak-kanak kurang bernasib baik sempena Ramadan.

Naib Pengerusi Kebangsaan merangkap Setiausaha Agung BSMM, Datuk Dr Noordin Abd Razak berkata, pihaknya menjangkakan 400 jemputan terdiri daripada anak yatim, kanak-kanak HIV/Aids positif, warga emas, asnaf, mualaf dan ibu tunggal akan hadir pada majlis ta-

hunan BSMM itu.

“Ia dianjurkan untuk memupuk semangat kerjasama dalam menjalankan amal bakti bagi memenuhi matlamat dan tanggungjawab sosial kepada masyarakat.

“Sukarelawan juga akan menyediakan juadah sebelum berbuka puasa bersama-sama mereka yang diraikan,” katanya pada sidang media di sini, semalam.

Turut hadir, Pengarah IKIMfm, Nik Roskiman Abdul Samad dan Ketua Projek Iftar Prihatin USM-IMC1, Mar Izwan Marzuki.

Program itu akan diadakan di Ibu Pejabat Kebangsaan BSMM di Lengkok Belfield off Jalan Wisma

Putra, di sini.

Jemputan terdiri daripada Kompleks Anak Yatim Darul Kifayah, Rumah Kasih Nurul Hasanah, Positive Shelter Home, Rumah Kasih Sayang (Khidmat Baitul Mahabbah), Keluarga Besar Norlina Alawi Berhad, Taman Sri Nanding, Hulu Langat, Pertubuhan Kebajikan Islam Malaysia (Perkim) dan asnaf Wilayah Persekutuan, Kuala Lumpur.

Antara badan korporat yang menyumbang ialah Dutch Lady Milk Industries Berhad, Bank Muamalat, Kari Kepala Ikan Kampung Pandan, Kelab Keris (Istana Budaya), Eventch System Sdn Bhd, AH Media Sdn Bhd dan Cineorama Sdn Bhd.